# Jauhi politik kepartian di kampus - Canselor UPM

... Omar Abdul Rahman; Dr. Amat ... "Para graduan ha...

KUALA LUMPUR 14 Okt. - Penuntut dan graduan institusi pengajian tinggi (IPT) dinasihatkan tidak terjebak dalam budaya negatif seperti terlibat dengan politik kepartian di kampus.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, penuntut IPT boleh mengikuti perkembangan politik semasa dalam negara tanpa terlalu taksub berpolitik sehingga mengabaikan dan melupakan tujuan asal ke IPT iaitu menimba ilmu.

Baginda bertitah, penuntut IPT juga sepatutnya menghormati peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan di dalam kampus bagi tujuan menjaga kepentingan pelbagai pihak.

"Jangan sesekali menjatuhkan nama baik universiti dengan terlibat dengan gejala negatif seperti rasuah, tidak amanah dan menyalahgunakan kuasa," titah baginda.

Baginda bertitah demikian sempena Majlis Konvokesyen ke-36 Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang, dekat sini hari ini.

Istiadat konvokesyen yang berlangsung bermula semalam sehingga esok menyaksikan sebanyak 6,200 graduan pelbagai program pengajian menerima ijazah dan diploma masing-masing iaitu sebanyak 457 penerima ijazah doktor falsafah (PhD), ijazah sarjana (1,895), ijazah sarjana muda (3,477) dan diploma (371).

Sultan Sharafuddin yang juga Canselor UPM turut berkenan mengurniakan Anugerah Profesor Emeritus kepada Datuk Dr. Sheikh Omar Abdul Rahman; Dr. Ahmad Juhari Moain; Dr. Abdul Rahman Md. Aroff dan Dr. Rahim Md. Sail.

Titah baginda, negara memerlukan generasi muda yang berani mencipta inovasi ke arah peningkatan kualiti hidup dan menerapkan budaya serta teras jati diri masyarakat Malaysia ke tahap yang lebih cemerlang.

"Para graduan harus keluar daripada pemikiran biasa kepada pemikiran strategik menuju wawasan yang lebih cemerlang," titah baginda.

Sultan Sharafuddin bertitah, para pemimpin dan anggota masyarakat juga perlu memanfaatkan ilmuwan yang terdapat di IPT untuk bersama-sama berganding bahu membangunkan negara.